

**Kejayaan Jerman komitmen kerjasama luar biasa, kata Najib
Malaysian Insider
July 14, 2014
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Datuk Seri Najib Razak hari ini menyifatkan kejayaan pasukan bola sepak kebangsaan Jerman satu pencapaian luar biasa dengan semangat kerjasama.

Perdana menteri berkata, kejayaan pasukan Jerman itu perlu diterjemahkan kepada komitmen penjawat awam dalam mencapai matlamat sesebuah organisasi.

"Pada pendapat saya kejayaan pasukan ini boleh disimpulkan sebagai kecemerlangan individu dan komitmen melalui kerjasama yang luar biasa.

"Bila kita dapat kumpulkan prestasi individu dalam konteks pemuafakatan sebagai satu unit yang padu dan bekerjasama atas semangat pemuafakatan, maka pencapaian akan lebih besar daripada jumlah individu," katanya semasa berucap di majlis Anugerah Pencapaian Cemerlang Kementerian Kewangan di Putrajaya hari ini.

Pagi tadi Najib bersama Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar menyaksikan perlawanan akhir Piala Dunia di Dataran Merdeka Kuala Lumpur.

Perlawanan itu menyaksikan Jerman berjaya menumpaskan Argentina dengan 1-0 pada masa tambahan.

Najib berkata, penjawat awam perlu berkhidmat pada tahap luar biasa di samping mengekalkan semangat berpasukan agar hasil yang ingin dicapai mampu diperolehi.

Katanya, jika kakitangan awam berkhidmat melebihi tahap dihadkan, ia mampu melonjakkan prestasi kerajaan ke tahap lebih tinggi.

"Bagi pasukan yang terlibat dengan Piala Dunia, kecemerlangan mudah diukur dengan siapa yang dapat meraih piala akan dianggap pasukan paling cemerlang di dunia.

"Kalau kita terjemahkan dalam peringkat organisasi, kita sebagai individu bekerja kuat hingga ke peringkat luar biasa atau kerja kuat sebagai satu pasukan, maka pencapaiannya akan diterjemahkan kepada tahap jauh lebih baik berbanding bergantung atas individu tanpa ikatan kolektif.

"Oleh itu, jika kita panjangkan kepada sebuah kerajaan, bekerja dalam satu kerajaan merentasi sempadan, maka pastinya prestasi kerajaan akan sampai ke tahap lebih tinggi," katanya mengingatkan kakitangan awam.

Awal bulan ini Datuk Ahmad Maslan menyelar permintaan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang mahu gaji penjawat awam dinaikkan 30%.

Timbalan Menteri Kewangan itu berkata, permintaan Cuepacs bersempena dengan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) itu tidak rasional kerana sistem cukai itu tidak akan memberi kesan kenaikan kos harga barang sehingga 30%.

Beliau berkata sebaliknya ia memberi lebih banyak manfaat kepada rakyat berikutan pelbagai barangan dan perkhidmatan juga masih dikecualikan GST.

Najib ketika berucap di sambutan Hari Buruh pada bulan lalu berkata, kerajaan memerlukan hasil tambahan baru bagi memenuhi permintaan penjawat awam dan sistem GST yang lebih telus dilihat dapat membantu menambah hasil kerajaan.

"Kalau presiden Cuepacs nak minta tambah elaun dan sebagainya, saya sebagai menteri kewangan perlu cari hasil tambahan, barulah boleh saya pertimbangkan," katanya.- 14 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kejayaan-german-komitmen-kerjasama-luar-biasa-kata-najib#sthash.fM0MzMaT.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kejayaan-german-komitmen-kerjasama-luar-biasa-kata-najib>